

06 FEB 1997

Nik Aziz-Hudud

NIK AZIZ YAKIN HUKUM HUDUD AKAN DAPAT DILAKSANAKAN

KOTA BAHARU, 6 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Aziz Nik Mat berkata kemungkinan bagi hukum hudud dilaksanakan di Kelantan yang ditadbir oleh PAS adalah cerah dan "ia hanya menunggu masa yang sesuai".

Beliau berkata pelaksanaan hukum itu akan menjadi kenyataan sebagaimana yang berlaku dengan sistem kewangan Islam yang kini digunakan oleh kebanyakan bank termasuk yang dimiliki oleh orang bukan Islam.

Bagaimanapun, katanya, sistem itu belum boleh dilaksanakan sekarang memandangkan kerajaan pusat belum memberi persetujuan.

"Kemungkinan (melaksanakannya) adalah cerah kerana ucapan-ucapan (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) sekarang ini semakin menyedari bagaimana rosaknya muda-mudi negara ini dalam pelbagai masalah sosial," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Hudud peringkat Kelantan di Balai Islam Lundang di sini malam tadi.

Dr Mahathir sebelum ini mempersoalkan keupayaan PAS melaksanakan hukum itu, kerana menurut beliau, parti itu sebenarnya lebih mengutamakan kepentingan sendiri daripada agama Islam.

Undang-undang Hudud terkandung dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah II selepas diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 23 Nov 1993.

Nik Aziz berkata kerajaan Kelantan terpaksa menangguhkan pelaksanaan hukum itu kepada "suatu keadaan apabila timbul kesedaran di kalangan pemimpin negara terhadap keperluan pelaksanaannya".

"Masalah jenayah atau masalah sosial lain berpunca daripada rohani yang rosak, (dan) hanya Islam dapat mengubati rohani yang rosak itu," kata beliau.

Katanya beliau bersedia pada bila-bila masa untuk bertemu dengan Dr Mahathir bagi membincang dan memperjelaskan pelaksanaan hukum itu.

"Tanda-tanda rakyat bersedia menerima pelaksanaan hukum itu sekarang semakin jelas jika dibandingkan semasa ia baru diluluskan dahulu," katanya.

-- BERNAMA

BD MAI